



**MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN**  
COUNCIL OF THE CITY OF KUCHING SOUTH

**KENYATAAN TENDER**

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai jenis pendaftaran yang ditetapkan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah bagi kerja seperti dibawah adalah dipelawa untuk menyertai tender berikut :-

Bil.	No. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran	Bayaran dan Cagaran Dokumen	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
a.	MBKS/ENG(T)-No.10/2022	<i>Flood Mitigation Works at Jln Bintawa Tengah and Jln Bintawa, MBKS (Phase 2)</i>	<b>Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)</b> Kelas: D atau E Kepala : IV Sub-Kepala : 4 atau 4(a) <b>DAN</b> Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)	Bayaran Dokumen RM125.00 (Tidak dikembalikan)  Cagaran Dokumen RM150.00 (Dikembalikan)	Isnin 22 Ogos 2022 12.00 tengah hari
b.	MBKS/ENG(T)-No.11/2022	<i>Flood Mitigation Works at Jln Bintawa Tengah and Jln Bintawa, MBKS</i>	<b>Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)</b> Kelas: D atau E Kepala : IV Sub-Kepala : 4 atau 4(a) <b>DAN</b> Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)	Bayaran Dokumen RM125.00 (Tidak dikembalikan)  Cagaran Dokumen RM150.00 (Dikembalikan)	Isnin 22 Ogos 2022 12.00 tengah hari

**Taklimat Projek dan Lawatan tapak Adalah DIWAJIBKAN.**

**Berkumpul di Bahagian Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Kuching Selatan pada 11 Ogos 2022 (Khamis) Jam 9.30 pagi**

**Kontraktor/Syarikat diwajibkan menyertai kedua-dua tender.**

**Bagi lawatan Tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam UPKJ, PPK, SPKK dan CIDB yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Wakil kontraktor/syarikat tidak dibenarkan.**

2. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis dan yang telah mengikuti taklimat dan lawatan projek sahaja. Pemilik atau wakilnya hendaklah membawa **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan), **SIJIL ASAL CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD (CIDB)** dan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN NAMA PERNIAGAAN - Ordinan Nama-Nama Perniagaan (Bab 64)/Borang 9 Akta Syarikat 1965, Borang I, Seksyen 5, 23 DAN 24(2)** beserta salinan.
3. Segala bayaran yang dikehendaki dalam Kenyataan Tender hendaklah dibuat secara **Tunai/Cek/Sarawakpay** atau melalui **Bank Deraf** di atas nama **MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN**.
4. Dokumen tender boleh diperolehi di Bahagian Kejuruteraan, Dewan Bandaraya Kuching Selatan, Jalan Padungan, 93675, Kuching pada waktu-waktu seperti berikut :-

<u>Hari</u>	<u>Waktu</u>
Isnin - Khamis	8.00 pagi - 1.00 petang
	2.00 petang - 4.00 petang
Jumaat	8.00 pagi - 11.30 pagi
	2.15 petang - 4.00 petang

5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Petender ke dalam Peti Tender beserta **sampul surat yang dilakri** mempunyai **Catatan Nombor dan Tajuk Tender** dan hendaklah diserahkan kepada alamat tertera di bawah tidak lewat daripada jam **12.00 tengah hari** pada hari tutup tender tersebut.

**Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Kuching Selatan  
Tingkat 3, Bahagian Pentadbiran  
Dewan Bandaraya Kuching Selatan  
Jalan Padungan, 93675 Kuching**

6. Sebarang dokumen Tender yang dihantar dengan "**serahan tangan' (By Hand)** selepas masa yang ditetapkan adalah ditolak.
7. Dokumen Tender yang dihantar ke tempat lain **selain daripada yang dinyatakan di atas, tidak akan diterima oleh MBKS.**
8. Hanya penyertaan Tender dari petender/pemilik yang sah akan dipertimbangkan.
9. Pengkelasan Tender adalah muktamad. Sebarang rayuan dari petender yang tidak berkelayakan tidak akan dilayan.
10. Petender boleh merujuk iklan melalui Laman Web - <https://mbks.sarawak.gov.my>
11. Majlis Bandaraya Kuching Selatan tidak terikat untuk menerima **TENDER TERENDAH** atau **MANA-MANA TENDER**.